

## MUSLIM & WARGA SINGAPURA MAIN PERANAN LAWAN PENGGANASAN

Prof Ho: Negara Asean pula perlu bersama tangani ancaman

Oleh Halifi Hussin

**Berita Harian, Jumaat, 4hb Mei 2007-05-07**

MUSLIM dan masyarakat Singapura secara umumnya telah memainkan peranan penting dalam menentang ancaman pengganas, tetapi negara-negara Asean perlu berganding bahu demi menjamin keselamatan jangka panjang serantau. Demikian dinyatakan Menteri Negara Kanan (Ehwal dalam Negeri), Profesor Madya Ho Peng Kee, ketika berucap dalam Mesyuarat Forum Serantau Asean (ARF) mengenai Antipengganasan dan Jenayah Antara Negara (CTTC) kelima semalam.

Menurut Profesor Ho, pengganas masih berleluasa meskipun usaha gigih negara-negara dunia dijalankan untuk menentangnya. Ini kerana pengganas akan sentiasa dapat menyesuaikan diri dan merubah taktik serta strategi untuk mengelak daripada dikesan.

'Memenangi peperangan terhadap pengganas memerlukan kami memenangi hati dan minda semua, baik Muslim dan bukan Muslim.'

'Kami perlu mengambil pendekatan menyeluruh, bersepodu, seimbang dan berkekalan.'

'Tidak ada penyelesaian yang sama bagi semua,' katanya. Profesor Ho berkata ancaman pengganas juga perlu ditangani dari aspek ideologi dan dialog antara agama.

Ini, menurutnya, merupakan wadah penting dalam menjalin persefahaman antara masyarakat. Berkongsi pengalaman Singapura, Profesor Ho berkata strategi yang diamalkan merangkumi pelbagai aspek, termasuk menyekat ajaran ekstremis dan mengukuhkan lagi perpaduan dan keharmonian antara agama.

'Dalam hal ini, masyarakat Islam setempat telah gigih berusaha mengawal pandangan ekstremis Islam dan mendapatkan pemahaman dan kerjasama warga lain dalam usaha mereka itu,' ujar Profesor Ho. Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG), contohnya, telah mengembangkan sayap program kaunselingnya bagi tahanan Jemaah Islamiyah (JI) untuk

mendekati masyarakat umum. Badan-badan Islam lain juga menganjurkan pelbagai kegiatan untuk meningkatkan kesedaran tentang ideologi pengganas serta pemahaman masyarakat bukan Muslim tentang agama Islam.

Program Mendampingi Masyarakat (CEP) juga melibatkan setiap warga negara dalam mengukuhkan lagi talian antara kaum melalui wadah dialog dan forum. Pusat Harmoni di Masjid An-Nahdhah turut menyumbang kepada usaha membina persefahaman yang lebih mendalam antara agama di Singapura, tambah Profesor Ho. Persidangan dua hari itu dipengerusikan bersama Singapura, Jepun dan Russia di Hotel Meritus Mandarin. Ia dihadiri 26 pegawai pemerintah di kalangan anggota ARF bersama wakil dari pertubuhan dan institusi serantau.